

Bayangan Inses dalam *Hikayat Raja Pasai*

Norazimah bt Zakaria
norazimah@fbk.upsi.edu.my
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Makalah ini menggunakan kaedah konsep kepengarangan Melayu tradisi bagi melihat peranan pengarang tradisi dan pendekatan Psikoanalisis Freud untuk melihat personaliti watak di dalam teks. Dalam penulisan *Hikayat Raja Pasai*, gejala inses tidak berlaku tetapi pengarang hanya memberikan gambaran bayangan inses itu melalui sikap dan tindak tanduk Sultan Ahmad Perumudal Perumal. Dalam hal ini, walaupun ada dorongan untuk berlakunya inses, pengarang yang terikat dengan adab kepengarangan Melayu menggunakan kreativitinya dengan memaparkan secara simbolik kesan dan akibat daripada bayangan inses itu. Dalam Islam gejala inses adalah haram di sisi agama dan ia adalah perbuatan yang amat terukut dan disebut dalam budaya Melayu sebagai “haruan makan anak.”

Kata Kunci Kesusasteraan Melayu; Inses; *Hikayat Raja Pasai*; Pengarang

Abstract

*This article used the method of traditional Malay authorship concept to look into the role of traditional author and Freud psychoanalysis approach in recognising the character's personality and characteristics in the text. Incest could be depicted by the attitudes, actions, dreams. In *Hikayat Raja Pasai*, incest did not occur in *Hikayat Raja Pasai* but was hinted through Sultan Ahmad's attitudes and behavior literature, the author did not include incest because literary history. In this matter, although there was tendency for incest to occur, the author who was bound to the Malay authorship code of conduct used his creativity to illustrate symbolically the effects and consequences of incest. In Islam, incest is forbidden and it is considered as despicable and in Malay culture it is known as “haruan makan anak.”*

Keyword Malay literature, Incest, *Hikayat Raja Pasai*, Author

Pengenalan

Wajarlah pengenalan kepada makalah ini dimulakan dengan petikan berikut;

“Tetapi akan Sultan itu terlalu ia berahi akan anaknya yang bernama Tun Medam Peria dan Tun Takiah Dara itu; maka pada suatu hari, Sultan Ahmad semayam dihadap segala menteri dan segala hulubalangnyanya, maka baginda bersabda kepada segala hulubalangnyanya demikian katanya, “Jika seorang bertanam tanaman, siapa yang harus dahulu makan dia?” Maka Tun Perpatih Tulus Agung Tukang Sukara pun berdatang sembah, “Ya Tuanku Syah Alam, jikalau kami yang diperhamba ini bertanam tanaman, orang yang lain juga harus dahulu makan dia, lagi terlalu besar pahalanya mendahulukan jamu itu,” karna Tun (Perpatih) Tulus Agung Tukang Sukara itu tahu ia akan kias kata raja itu...”

(*Hikayat Raja Pasai*, 1987, hlm.37)

Berdasarkan petikan di atas, Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007) perkataan berahi bermakna “kasih atau cinta yang amat sangat” (hlm.140). Berahi juga menjelaskan mengenai rasa suka akan seseorang dengan bernafsu atau ghairah. Perkataan berahi merujuk kepada perasaan Sultan Ahmad Perumudal Perumal terhadap anak gadisnya, iaitu Tun Medam Peria dan Tun Takiah Dara. Garapan makna yang tersirat di sebalik kata-kata sultan mengenai “Jika seorang bertanam tanaman, siapa yang harus dahulu makan dia?” mendorong kepada kelakuan inses atau *incest* yang jika merujuk istilah terkini merujuk kepada sumbang mahram.

Inses dan Adab Pengarang Sastra Melayu Tradisional

Inses atau *incest* dalam *Oxford Dictionary* (1994) bermakna “*sexual intercourse between people regarded as too closely related to marry each other*” (hlm. 402). Insens atau dari perkataan Perancisnya *inceste, incestum, unchastity, incest, incestus* didefinisikan sebagai perzinaan sebaka (Landau S.I, 1988). Insens juga merujuk kepada;

The act of sexual intercourse or marriage between close blood relations, the criminal offense of marriage or sexual intercourse between blood relations where prohibited by law.

(Kellerman, 1981, hlm. 761)

Sumbang bermakna “tidak mematuhi adat, melanggar adat”. Sekiranya sumbang mahram pastilah memberi implikasi makna yang seakan-akan sama maksudnya dengan sumbang balai melintang, iaitu “berzina dengan orang yang tidak boleh dikahwini pada agama atau adat, ia juga seakan-akan sama maksudnya dengan kadim yang juga memberi makna bermukah dengan keluarga yang rapat” (Kamus Dewan, 2007, hlm.1317). Walaupun pelbagai frasa yang boleh digunakan untuk makalah ini, namun frasa inses akan digunakan secara menyeluruh.

Inses yang berlaku dalam *Hikayat Raja Pasai* ialah bayangan inses atau perlakuan yang boleh menjurus kepada berlakunya inses. Bayangan inses merupakan bayangan pengarang terhadap rasa rindu, cinta berahi, angau, gila, sasau, keseronokan melalui perwatakan seseorang tokoh dalam sesebuah cerita. Bayangan inses ini boleh dijelmakan melalui sikap, tindakan, mimpi, angan-angan dan bayangan tokoh tersebut.

Pengarang sastera Melayu tradisional amat terikat dengan golongan istana. Konsep sebagai pengarang istana dapat membelenggu proses kreativiti yang menulis atas perintah ketuanannya. Dalam membentuk perilaku tokoh-tokohnya di dalam teks, pengarang ini amat mementingkan keindahan yang melihat karyanya dapat memberi faedah kepada generasi yang terkemudian.

Keterikatan ini menyebabkan pengarang sastera Melayu tradisi tidak menulis sesuatu perkara yang terkeluar daripada norma biasa yang tidak menjurus kepada konvensi. Persetujuan antara pengarang dengan khalayak menuntut pengarang *Hikayat Raja Pasai* terikat kepada konvensi atau kebiasaan tanpa keluar daripada konvensi tersebut. Maka, pengarang ini tidak membenarkan inses daripada berlaku di dalam *Hikayat Raja Pasai* tetapi bayangan inses itu telah dinyatakan secara tidak langsung.

Dorongan kepada perlakuan inses dalam *Hikayat Raja Pasai* melalui watak Sultan Ahmad Perumudal Perumal dinyatakan secara penuh simbolik dan kritikan pengarang secara halus dapat dilihat kepada jawapan yang diberikan oleh Tun (Perpatih) Tulus Agung Tukang Sukara. Dalam konteks ini, perbuatan Sultan Ahmad Perumudal Perumal amat menjijikkan dan memalukan. Perbuatannya telah melanggar norma agama, adat dan budaya. Sebagai Sultan yang sepatutnya menjadi khalifah dan pemimpin, sikapnya tidak menunjukkan dia seorang raja yang wajar dicontohi.

Dalam penulisan *Hikayat Raja Pasai*, gejala inses tidak dibenarkan berlaku oleh pengarangnya dengan kelangsungan kepada kisah Tun

Beraim Bapa yang telah membawa lari kedua-dua adiknya setelah dia mengetahui bapanya mempunyai niat yang tidak baik terhadap mereka. Contoh petikan;

Maka tatkala kedengaranlah khabar itu kepada Tun Beraim Bapa, maka ia pun pergilah dengan segeranya ke Pasai lalu masuk ke dalam istana Sultan Ahmad. Maka dirawannya oleh Tun Beraim Bapa kedua saudaranya lalu dibawanya ke Tukas. Maka Seri Sultan pun marah berdendamkan Tun Beraim Bapa, sebab membawa kedua saudaranya ke Tukas itu.

(Hikayat Raja Pasai, 1987, hlm. 38)

Tun Beraim Bapa merupakan watak penyelamat kepada kedua-dua orang adiknya. Melalui watak ini, pengarang dapat membuat suatu keputusan yang tidak akan bertentangan dengan norma agama, adat dan adab orang Melayu itu sendiri. Walau bagaimanapun, pengarang masih lagi terikat dengan konsep 'pantang derhaka' apabila pengarang telah meletakkan perbuatan Tun Beraim Bapa sebagai menderhaka kerana melarikan hak raja dan patut dibunuh. Kematian Tun Beraim Bapa menjelaskan kepada kita bahawa pengarang mesti meletakkan sebab dan akibat mengapa Tun Beraim Bapa mesti mati dan ini boleh dilihat dalam beberapa paparan peristiwa oleh pengarang. Sultan Ahmad Perumudal Perumal yang tidak berpuas hati dengan tindakan Tun Beraim Bapa telah berhasrat untuk membunuhnya dan ia boleh dilihat dalam petikan berikut;

Maka Sultan Ahmad Perumudal Perumal pun bersabda kepada Dara Zulaikha Tingkap itu, maka kata baginda, "Ayuh Dara Zulaikha Tingkap bergelar Derma Dikara! Rahsiaku ini jangan engkau katakan kepada seseorang jua pun, jikalau Si Beraim Bapa tiada kubunuh, kerajaanku jangan kekal dan bau syurga pun jangan ku cium."

(Hikayat Raja Pasai, 1987, hlm. 43)

Pengarang meletakkan watak Tun Beraim Bapa sebagai seorang yang amat gagah perkasa dan tidak dapat ditandingi oleh mana-mana pahlawan. Strategi pertama yang dilakukan oleh Sultan Ahmad Perumudal Perumal untuk membunuh Tun Beraim Bapa adalah

dengan menyuruhnya menunggang seekor kuda gila yang tidak pernah ditunggang orang. Tun Beraim Bapa yang tidak mengetahui bahawa kuda itu gila telah berjaya menunggang kuda tersebut dengan amat baik sekali dan tidak terbunuh. Hasrat Sultan Ahmad Perumudal Perumal untuk membunuh anaknya itu dinyatakan sekali lagi kepada Dara Zulaikha Tingkap dan pengarang telah menunjukkan frasa penegasan bahawa Tun Beraim Bapa mesti mati walau dengan apa-apa cara sekalipun.

Bagi menjayakan rancangan pembunuhan anaknya itu, Sultan Ahmad Perumudal Perumal menyuruh Tun Beraim Bapa menjala dan menyelam untuknya. Tun Beraim Bapa yang tidak mahu dikatakan menderhaka menurut perintah Sultan Ahmad Perumudal Perumal. Walaupun terdapat percubaan membunuh untuk kali kedua, namun Tun Beraim Bapa masih lagi terselamat. Hal ini boleh dibuktikan melalui petikan berikut;

Maka Tun Beraim Bapa lalu menyelam ia, maka tatkala dilihat Paduka Sultan ia menyelam itu, maka baginda pun memberi isyarat kepada segala hulubalanganya menantikan ia timbul, serta sekalian mereka itu menghunus segala pedangnya dan segala pendahannya daripada sarungnya hendak menetak dan menikam Tun Beraim Bapa itu. Maka ia berjalan di dalam air sekira-kira serantau jauhnya, maka Tun Beraim Bapa pun bangkit ia, lalu naik ia ke darat.

(Hikayat Raja Pasai, 1987, hlm.52)

Berbagai-bagai cara cuba dilakukan oleh Sultan Ahmad Perumudal Perumal untuk membunuh Tun Beraim Bapa termasuklah menggunakan helah perahunya tersangkut di atas sebatang pohon. Ketika Tun Beraim Bapa memegang pohon itu, Sultan Ahmad Perumudal Perumal telah mengerat batang itu dan terputus lalu diterajangnya penggal dua. Tun Beraim Bapa yang telah menyelam ke dalam air disangka telah mati ditimpa batang tersebut. Sultan Ahmad Perumudal Perumal yang tidak melihat kelibat Tun Beraim Bapa berpura-pura menangis. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut;

Maka Sultan pun pura-pura menangis demikian bunyi tangisnya, “Wah anakku Tun Beraim Bapa, lenyaplah kutahu engkau atau ditimpa batangkah kutahu engkau? Wah cahaya mataku dan bua

hatiku, di mana kutahu engkau sekarang dan apa kutahu halmu?" Maka Tun Beraim Bapa pun seraya baginda menyelam itu, lalu ia mudik ke hulu serta membawa batang yang sekerat itu kira-kira lima rantau jauhnya, maka naiklah ia ke darat serta ia memegang batang itu, lalu dihunjamkannya di pantai itu, termasuk ke dalam tanah kira-kira empat depa. Maka baginda duduk di atas batang itu dengan mengirai-ngirai rambutnya dan memetik-metik canggainya.

(*Hikayat Raja Pasai*, 1987, hlm.55)

Sultan Ahmad Perumudal Perumal masih tidak berjaya membunuh Tun Beraim Bapa dan dia akhirnya meminta Orang Seri supaya menyediakan peniaram yang di dalamnya telah diisikan dengan racun. Walaupun diketahui peniaram itu beracun namun Tun Beraim Bapa tetap mahu memakan peniaram itu tetapi cuba direbut oleh Tun Medam Peria dan Tun Takiah Dara. Tun Medam Peria dan Tun Takiah Dara mengetahui bahawa peniaram itu beracun tetapi memakannya sehingga akhirnya mereka mati dan ditanamkan ke Bukit Fudul Allah. Lebihan peniaram yang telah dimakan oleh kedua saudara Tun Beraim Bapa itu telah diambil oleh Tun Beraim Bapa dan baginda tetap memakan peniaram itu kerana tidak mahu menderhaka. Malahan, Tun Beraim Bapa telah tahu hasrat bapanya yang ingin membunuh dirinya. Baginda akhirnya mengalah dengan mengambil risiko memakan peniaram beracun. Bisa yang ada pada peniaram itu telah menyebabkan Tun Beraim Bapa begitu azab sehingga menemui ajalnya.

Berita kematian Tun Beraim Bapa amat disukai oleh Sultan Ahmad Perumudal Perumal dan hal ini boleh dilihat dalam petikan berikut;

Maka tatkala itu sampailah khabar baginda sudah mati. Maka Sultan Ahmad pun terlalu sukacita dan nyamanlah hatinya.

(*Hikayat Raja Pasai*, 1987, hlm. 60)

Raja yang zalim wajar menerima balasan sepertimana yang telah termaktub di dalam wa'adat. Aspek pembalasan yang ditonjolkan amat menyerlah apabila sikap raja yang zalim akan dibalas oleh Allah. Hal ini dipaparkan oleh pengarang *Hikayat Raja Pasai* dengan baik sekali apabila kezaliman Sultan Ahmad Perumudal Perumal yang begitu melampau sehingga dikatakan oleh pengarangnya sendiri sebagai

‘badak makan anak’ apabila baginda membunuh anaknya Tun Abdul Jalil hanya kerana Radin Galuh Gemerencang, anak ratu Majapahit Jawa berkeinginan kepada Tun Abdul Jalil. Hal ini telah dijelaskan oleh pengarang secara langsung melalui petikan berikut;

“Adapun ertinya, paduka sultan yang dalam negeri Pasai ini membunuh anaknya dua orang, seorang bernama Tun Beraim Bapa, dari karna sultan berahi akan anaknya perempuan seorang bernama Tun Medam Peria dan seorang bernama Tun Takiah Dara, dan anaknya Tun Abdul Jalil pun dibunuhnya dibuangkannya dalam laut Jambu Air ini, sebab ia mendengar khabar Tuan Puteri Gemerencang datang dari benua Jawa terlalu amat ia berahi akan Tun Abdul Jalil itu, dan mayat Tun Abdul Jalil itu pun disuruhnya buangkan dalam laut Jambu Air ini; itulah erti kata kami badak makan anak.”

(Hikayat Raja Pasai, 1987, hlm. 63-64)

Ekoran daripada peristiwa di atas, Pasai akhirnya telah diserang oleh Majapahit. Sultan Ahmad Perumudal Perumal yang menyesali perbuatannya membunuh kedua-dua orang anaknya terpaksa menerima hakikat bahawa Pasai kalah berperang dan penyesalan Sultan Ahmad Perumudal Perumal amat jelas dalam petikan berikut (*Hikayat Raja Pasai, 1987, hlm. 64-65*):

Maka Sultan Ahmad pun mematah-matah jarinya serta dengan sesalnya tiada berkesudahan sebab membunuh anaknya Tun Beraim Bapa dan Tun Abdul Jalil dengan sesalnya yang amat sangat. Maka sabda Sultan kepada segala hulubalanganya, “Hai segala kamu hulubalangku! Tegah apalah akan daku membunuh anakku itu.” Maka Tun Perpatih Tulus Agung Tukang Sukara pun berdatang sembah demikian sembahnya, “Ya tuanku Syah Alam, Lada siapa dibangsalkan? Rana saujana kerati. Pada siapa disesalkan? Tuan juga empunya pekerti.”

Kezaliman Sultan Ahmad Perumudal Perumal kerana didorong oleh nafsu yang melampaui batas agama dan adat. Perbuatannya akhirnya telah dibalas oleh Allah apabila negeri Sultan Ahmad tidak lagi aman apabila berlaku peperangan yang akhirnya memaksa baginda melarikan diri dari istana ke Menduga yang dikatakan mengambil masa lima belas hari perjalanan dari negeri Pasai.

Faktor kejatuhan Pasai bermula dengan bayangan inses. Dalam hal ini pengarang telah memaparkan bahawa keinginan Sultan Ahmad terhadap kedua-dua orang anak gadisnya telah membawa kepada malapetaka yang tidak baik. Penulisan *Hikayat Raja Pasai* berlaku setelah agama Islam berkembang di Tanah Melayu, maka faktor agama dilihat menjadi batasan kepada pengarang untuk memaparkan inses ini daripada ditonjolkan. Konsep pembalasan telah digunakan oleh pengarang untuk menilai semula kelakuan Sultan Ahmad yang tidak bermoral itu. Seorang bapa yang juga telah membunuh anaknya sendiri akhirnya menerima pembalasan yang setimpal. Gejala inses yang tidak bermoral ini amat ditegah oleh agama malah dalam Islam, Allah S.W.T melarang hamba-Nya berkahwin dengan orang yang disebutkan dalam surah Al-Nisa'(4:23);

Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang berikut: Ibu-ibu kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara ibu kamu, dan anak-anak saudara kamu yang lelaki...

Aspek pembalasan ini wujud dalam kebanyakan teks sastra sejarah yang lain apabila raja yang zalim akan menerima pembalasan seperti negeri yang diperintahnya musnah dan hancur, manakala sekiranya raja itu seorang yang adil dan baik moralnya, maka pengarang akan menonjolkan zaman pemerintahan raja tersebut sebagai aman, makmur dan penuh gilang-gemilang.

Dalam *Hikayat Raja Pasai*, pengarang meletakkan watak Sultan Ahmad Perumudal Perumal sebagai punca kejatuhan empayar Pasai ke tangan Majapahit melalui simbolik bayangan inses, seterusnya membawa kepada beberapa episod pembunuhan dan kematian anak-anaknya. Pengarang yang terikat dengan proses kreativitiya telah menyelitkan unsur kritikan secara halus kepimpinan rajanya. Pengarang menggambarkan bahawa jatuh bangunnya sesebuah kerajaan itu bergantung kepada khalifah yang telah diamanahkan oleh Allah, iaitu menjadi pemimpin yang baik dan bukannya bersikap seperti Sultan Ahmad Perumudal Perumal.

Dalam *Hikayat Raja Pasai*, proses kreativiti pengarang selain dipengaruhi oleh agama, faktor adat dan budaya juga mempengaruhi pengarang daripada menyatakan inses itu berlaku kerana ruang lingkup yang mempengaruhi pengarang adalah pada zaman yang tidak membenarkan gejala inses itu daripada berlaku. Maka dalam *Hikayat Raja Pasai*, bayangan inses dinyatakan secara tidak langsung dan penuh dengan simbolik.

Psikoanalisis Freud Terhadap Watak Sultan Ahmad Perumudal Perumal

Psikoanalisis merupakan satu sistem psikologi yang dipelopori oleh Sigmund Freud. Ia ialah satu teori personaliti dan juga satu kaedah terapi. Menurut Terry Eagleton (1988), psikoanalisis bukanlah hanya suatu teori tentang akal manusia, tetapi juga suatu amalan mereka dianggap sakit atau terganggu akal fikirannya. Manakala Lahmuddin Lubis (2000) menyatakan bahawa psikoanalisis memandang manusia sebagai ekspresi dari adanya dorongan yang menimbulkan konflik. Freud telah membentuk teknik-teknik untuk digunakan dalam rawatan *neurosis*. Oleh itu, psikoanalisis boleh dianggap sebagai kaedah merawat seorang individu yang mengalami masalah tekanan emosi yang mendalam.

Dalam psikoanalisis, bahan-bahan yang dimaksudkan dalam bawah sedar ini meliputi kata-kata tersasul, mimpi, fantasi atau khayalan seseorang individu. Menurut Terry Eagleton (1988);

Tak sedar hanyalah suatu pergerakan yang bersambungan dan kegiatan penanda yang mempunyai petanda yang jarang dapat kita masuki kerana keadaannya yang tertelat. Inilah sebabnya mengapa Lacan berbicara tentang tak sedar sebagai suatu kegelongsongan petanda ke bawah “penanda”, sebagai suatu kelunturan dan pengewapan makna yang berterusan. (hlm.185)

Tahap bawah sedar merupakan peringkat yang paling penting dalam proses psikoanalisis. Setiap individu dikatakan mempunyai tahap ketidaksedaran yang berbeza. Personaliti setiap individu boleh diibaratkan sebagai tungkul ais di atas permukaan laut. Hanya satu pertiga yang berada di atas permukaan. Manakala dua pertiga daripada tungkul ais itu terbenam di bawah permukaan laut. Keadaan dua pertiga lapisan yang terpendam inilah yang dikatakan lapisan bawah sedar individu.

Psikoanalisis membahagikan personaliti manusia kepada tiga struktur, iaitu *id*, *ego* dan *super ego*. Mengikut pandangan psikoanalisis, ciri *id* seseorang sudah wujud sejak mereka dilahirkan. Ia dianggap sebagai satu elemen struktur semula jadi, diwarisi dan satu elemen yang sedia ada dalam diri manusia. Malah *id* juga merupakan satu gejala bawah sedar dan penuh dengan orientasi berkehendakkan kepuasan. Menurut Lahmuddin Lubis (2000);

Id bersifat tidak logis, moral dan didorong oleh satu. Kepentingan iaitu memuaskan kebutuhan-kebutuhan naluriah sesuai dengan asas kesenangan (hlm.104).

Suatu keadaan tindak balas yang dilakukan oleh *id* adalah untuk menyebabkan berlakunya ketegangan yang dinamai proses primer. Contoh yang paling sesuai untuk memahami proses primer ini dapat dilihat melalui seorang bayi yang lapar dan tetap akan diberikan makanan. Semasa mendapat makanan, bayi itu akan melihat, membau, menyentuh dan merasai makanan. Susunan yang berlaku secara berulang kali pada dasarnya ini akan menghasilkan penyimpangan gambaran makanan dalam ingatannya dan dalam hubungan makanan dengan pengurangan kelaparan. Apabila kelaparan berlaku pada masa-masa akan datang, *id* akan menggunakan proses primer bagi cubaan untuk mendapatkan kepuasan cara membentuk bayangan objek (makanan) yang akan membawa kepada kepuasan (Robert D. Nye, 1992). Namun begitu, terdapat beberapa cara lain lagi untuk memuaskan dorongan kepuasan seperti mimpi, pemikiran yang berhajat, fantasi dan halusinasi.

Ego pula berbeza dengan *id*. *Ego* tidak wujud semasa kelahiran dan berkembang secara berperingkat. Tugas utama *ego* adalah sebagai perantara naluri-naluri dengan lingkungan (Lahmuddin Lubis, 2000). Antara fungsi *ego* adalah dapat bertindak terhadap acara yang mendatangkan kecemasan yang kebiasaannya konflik atau pertentangan antara *id* dengan *super ego*. Selain itu, *ego* adalah suatu keadaan tindak balas yang dilakukan oleh *id* untuk menyebabkan berlakunya ketegangan yang dinamai proses primer (Robert D.Nye, 1992).

Super ego pula merupakan struktur yang ketiga dalam pemikiran tingkah laku psikoanalisis. Ia lebih menyerupai hati nurani seseorang individu. Lahmuddin Lubis (2000) menyatakan bahawa melalui *super ego*, semua tindakan adalah sesuai dengan norma, moral dan etika. Manakala Robert D. Nye (1992: 97) pula menyatakan bahawa *superego* sentiasa mencuba memperoleh kesempurnaan dan ia jarang sekali berpuas hati dengan apa yang kurang daripada yang diinginkan. Bagi Heinz Hartmann (1960);

The role of the superego in the development of moral is in its outlines familiar to every analyst. Its relation, however, to moral codes and moral conduct has been stated in different ways.... (hlm.26)

Menurut Freud (dalam Lahmuddin Lubis, 2000), ada tiga bentuk kegelisahan yang dialami oleh manusia. Pertamanya kegelisahan atau kerisauan realiti, iaitu kegelisahan yang dirasakan kerana adanya sesuatu ancaman nyata (langsung) atau ancaman yang berkaitan dengan keadaan lingkungan. Keduanya ialah kegelisahan moral, iaitu kegelisahan yang berasal daripada hati nurani atau *conscience* seseorang. Kegelisahan moral ini sering terjadi bagi seseorang yang sering merasa bersalah, terlebih lagi jika ia melakukan sesuatu yang bertentangan dengan nilai yang berlaku dalam masyarakat. Manakala kegelisahan yang ketiga ialah kegelisahan neurotik, iaitu kegelisahan yang timbul dari perasaan bimbang, ragu, ia bahkan sering tidak dapat mengendalikan nalurinya dan menyebabkan ia melakukan sesuatu diluar kesedarannya. Kegelisahan seperti ini sering kali tidak dapat dicari penyebab yang sebenarnya dan kegelisahan itu tidak pernah menyedarinya.

Oleh yang demikian, pendekatan psikoanalisis dapat menyumbang kepada penerokaan perkembangan watak Sultan Ahmad Perumudal Perumal. Perasaan Sultan Ahmad Perumudal Perumal terhadap kedua-dua orang anak gadisnya yang tidak dapat dipenuhi telah menyebabkan jiwanya menjadi kacau. Malahan, hati Sultan Ahmad Perumudal Perumal akan menjadi cukup puas sekiranya baginda dapat membunuh orang yang menghalang hasrat hatinya itu. Hal ini dapat dilihat melalui beberapa tindakan Sultan Ahmad Perumudal Perumal yang cuba membunuh Tun Beraim Bapa. Tragedi ini menjelaskan kepada kita bahawa Sultan Ahmad Perumudal Perumal mengalami 'krisis jiwa'. Baginya hanya ada satu sahaja cara yang boleh digunakan untuk memenuhi kehendaknya, iaitu dengan membunuh.

Beberapa petikan yang telah dibincangkan sebelum ini cukup menjelaskan bahawa Sultan Ahmad Perumudal Perumal tidak merasa puas sekiranya tidak dapat membunuh Tun Beraim Bapa. Antara beberapa perkembangan psikoanalisis yang dinyatakan Freud dapat diterokai dalam watak Sultan Ahmad Perumudal Perumal. Konflik diri yang berlaku terhadap Sultan Ahmad Perumudal Perumal setelah dia membunuh anak-anaknya telah menghukum dirinya sendiri. Hal ini berlaku kerana mengikut fahaman psikoanalisis, sekiranya tidak berlaku perimbangan antara *id*, *ego* dan *super ego* akan menyebabkan seseorang itu mengalami kecelaruan mental.

Penutup

Gejala inses tidak berlaku di dalam *Hikayat Raja Pasai* tetapi pengarang hanya memberikan gambaran bayangan inses itu melalui sikap dan tindak tanduk Sultan Ahmad Perumudal Perumal. Konvensi sastra Melayu tradisional, pengarang tidak memaparkan gejala inses daripada berlaku kerana sastra sejarah itu ditulis adalah untuk memberi pengajaran dan ingatan kepada anak cucu yang terkemudian. Dalam hal ini, walaupun ada dorongan untuk berlakunya inses, pengarang yang terikat dengan adab kepengarangan Melayu menggunakan kreativitinya dengan memaparkan secara simbolik kesan dan akibat daripada bayangan inses itu. Walaupun pengarang mengatakan Sultan Ahmad Perumudal Perumal ‘berahi’ kepada kedua-dua anak gadisnya, namun kesan daripada itu amat dahsyat sekali apabila negeri Pasai turut musnah di tangan Majapahit. Bayangan inses ini merupakan satu petanda kepada sikap dan nafsu Sultan Ahmad Perumudal Perumal yang tidak dibendung yang akhirnya membawa bencana sepertimana apa yang dinyatakan oleh pengarangnya kepada Sultan Ahmad Perumudal Perumal;

“Lada siapa dibangsalkan?
Selama lada sekerati
Pada siapa disesalkan?
Tuan juga empunya pekerti”

(*Hikayat Raja Pasai*, 1987: 67)

Rujukan

- Abdul Halim Ali (2011). *Pengantar teori dan kritikan sastra: Barat dan Malaysia*. Persatuan Budiman Malaysia
- Eagleton, Terry (ed.) (1988). *Teori kesusasteraan: Satu pengenalan*. Muhammad Haji Salleh. (pentj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang, Othman Puteh, Ramli Isin & Sahlan Mohd. Samah (1985). *Mendekati kesusasteraan Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Shom, Abdul Rahmah Kaeh & Jamilah Haji Ahmad (2000). *Kesusasteraan Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Hartmann, Heinz (ed.) (1960). *Psychoanalysis and moral values*. New York: International Universities Press, INC.
- Hikayat Raja Pasai* (1987). Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kellerman, D.F. (1981). *New Webster's Dictionary of The English Language*. New York: Delair
- Lahmuddin Lubis, (ed.) (2000). *Pengantar bimbingan kaunseling*. Medan: IAIN Press.
- Landau, S.I (1988). *Chambers English Dictionary*. New York: Chambers Cambridge.
- Mana Sikana (2012). *Teori sastera kontemporari Edisi VII*. Selangor: Pustaka Karya.
- Nuttin, Joseph., (ed.) (1962). *Psychoanalysis and personality: A dynamic theory of normal personality* (George Lamb, pentj.). New York: A Mentor Omega Book.
- Nye, Robert, D., (ed.) (1992). *Tiga pemikir psikologi* (Mahmood Nazar Mohamed). (pentj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulalatus Salatin* (1996). A.Samad Ahmad (Peny). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- The Oxford Dictionary* (1994). Fajar Bakti.
- Teuku Iskandar (1995). *Kesusasteraan klasik Melayu sepanjang abad*. Brunei: Universiti Brunei.